

BAB 1

PENGENALAN SEJARAH KERAJAAN MELAYU JOHOR-RIAU DALAM PERADABAN MELAYU

PENGENALAN

Kajian ini cuba untuk memaparkan bentuk dan perkembangan sebuah kerajaan Melayu yang wujud lewat abad ke-16 sehingga pertengahan abad ke-19, terutama sumbangannya kepada peradaban Melayu. Kesultanan Melayu Johor-Riau (KMJ-R), merupakan satu kesinambungan dari kesultanan Melayu Melaka (KMM) selepas kejatuhannya ke tangan Portugis pada tahun 1511.¹ Namun kebanyakan kajian yang dibuat terhadap KMJ-R ini hanya dari aspek peristiwa sejarah dan analisis naskah-naskah tinggalan sejarah lama.² Oleh sebab itu, rentetan sejarah KMJ-R harus juga dilihat dari aspek sejarah peradaban manusia berdasarkan peristiwa sejarah³ dan hasil-hasil tinggalan sejarah. Ia perlu dikaji untuk mendapatkan pengetahuan tentang diri manusia itu sendiri.⁴ Sejarah juga berfungsi untuk menyimpan dan menyampai pengalaman dari satu generasi ke satu generasi.⁵

¹ Portugis berusaha menawan Melaka di atas motif ekonomi. Portugis mahu berhubung secara terus dengan para pedagang dari negeri-negeri pengeluar rempah seperti kepulauan Maluku, Sulawesi dan pulau-pulau Sunda Kecil. Selain itu ada sarjana berpendapat bahawa Melaka merupakan benteng terakhir bagi Portugis menyekat penyebaran Islam di Timur. Abdul Aziz Zakaria, 1963. *Portugis Dalam Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1-15.

² Kajian itu termasuklah oleh Mardiana Binti Nordin, 1999. "Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks Tuhfat al-Nafis". Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1984. "Persaingan Di Antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885". Tesis Ph. D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

³ Yusof Iskandar, 1971. "Hikayat Raja-Raja Pasai Sebagai Karya Sejarah", *Dewan Bahasa*, bilangan 12, Disember, hlm. 542.

⁴ R.G. Collingwood, 1967. *The Idea of History*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 10. Pentakrifan sejarah peradaban manusia itu amat luas. Collingwood menjelaskan sejarah itu sebagai saintifik, rasional, humanistik dan *self-revelatory*. Lihat hlm. 18-19.

⁵ E.H. Carr, 1990. *What is History?*. London: Penguin Books, hlm.30.

Kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan British yang cemburu dengan pencapaian Johor-Riau dalam pelbagai aspek politik, ekonomi dan sosio-budaya telah mencari helah dengan perdagangan dan peperangan untuk memalapkan keagungan itu. Pelantikan residen Belanda di Riau pada tahun 1784 telah mengurangkan fungsi kerajaan itu untuk bertindak. Seterusnya perjanjian 1824 pula memburukkan lagi keadaan apabila struktur geografi kerajaan Johor telah berubah. Kuasa barat telah merubah satu peradaban Melayu yang terbina sekian lama.

LATAR BELAKANG KERAJAAN MELAYU JOHOR-RIAU

Negeri Johor terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Keluasannya adalah 7330 batu persegi dan meliputi 8 daerah iaitu Johor Bharu, Muar, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing. Sejarah awalnya dikatakan telah wujud sebelum tahun 1500 Masihi dengan adanya penduduk di Muar dan Paguh.⁶ Sewaktu kegemilangan KMM beberapa tempat di negeri Johor berada di bawah kekuasaannya seperti Bertam dan Muar.⁷ Lembaran baru dalam sejarah Johor kian terserlah selepas kejatuhan Melaka 1511, rentetan dari itu terbentuk pula kerajaan Johor-Riau.

Sultan Mahmud Syah dan putera baginda Sultan Ahmad Syah bersama-sama pembesar dan juga pengikut mereka berundur ke Batu Hampar. Sultan Mahmud kemudian berundur pula ke Pagoh. Sultan Mahmud akhirnya berundur ke Bintan. Baginda membina kubu di Bintan bagi melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka. Namun Sultan Mahmud gagal menawan Melaka sehingga beliau mangkat pada tahun 1528 di Kampar dan disebut sebagai *Marhum Kampar*.

⁶ Setelah Melaka Jatuh ke tangan Portugis, Sultan Ahmad Syah telah berundur ke Muar, Bintan (di muara Sungai Muar), dan Pagoh (di pedalaman Sungai Muar). A. Samad Ahmad (Penyelenggara), 1996. *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 270.

⁷ Wilayah-wilayah lain di bawah naungan Melaka adalah Ungaran, Tunkal, Buru, Suir, Pancur Serapung, Merba, Sawang, Kundur, Suntai Malai, Upang, Bertam dan Muar. *Ibid.*, hlm. 144-145. Semasa Sultan Mudzafar Syah pula, wilayah Johor seperti Dinding, Muar, Singapura dan Bintan sebagai daerah taklukan. Manakala Selangor turut menjadi wilayah taklukan. Lihat *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbir Awam Negara (INTAN). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, hlm. 131.

JOHOR DI BAWAH PENTADBIRAN WARISAN MELAKA (1528-1699)

Pengasas kesultanan Johor Lama sebenarnya berasal dari salasilah keturunan Melaka. Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, Sultan Mahmud Syah bersama keluarga dan pembesar berundur ke beberapa tempat termasuk Bintan, Kampar, Sayong Pinang, Kota Tinggi dan Johor Lama. Bintan kemudiannya dikalahkan oleh Portugis pada 1526, dan pada tahun 1527 Sultan Mahmud bersemayam pula di Kampar. Semasa berada di Kampar, isteri baginda Tun Fatimah telah mangkat. Pada tahun 1528, baginda mangkat dan dimakamkan di Kampar. Putera baginda bersama almarhum Tun Fatimah, Raja Ali memegang takhta dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II (1528-1564).⁸

Setelah memegang takhta, baginda bersama Bendahara Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dan pembesarnya yang lain pergi ke Pahang. Sultan Pahang pada waktu itu ialah Sultan Mahmud Shah (Sultan Pahang ke-lima) merupakan sepupu baginda.⁹ Setelah kembali dari Pahang, baginda berkerajaan di Kuala Johor dan bersemayam di Pekan Tua.¹⁰ Selama dua abad berikutnya, kerajaan Johor berkisar di sekitar Sungai Johor dan kepulauan Riau.¹¹

Hubungan antara orang Melayu dan orang Portugis sentiasa tegang. Seorang pembesar Melayu di Melaka pada tahun 1530, dikatakan mengumpul senjata untuk menyerang Portugis. Namun rancangan itu gagal, beliau ditangkap dan dihukum bunuh

⁸ Buyong bin Adil, 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 14. A. Samad Ahmad (Penyelenggara), *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu), hlm. 291.

⁹ Syahrom Husain, 1995. *Sejarah Johor Kaitannya Dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 09.

¹⁰ Pekan Tua terletak tidak jauh dari Kuala Sungai Sayung dan berdekatan dengan Sungai Johor. Buyong bin Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 34.

¹¹ *Malaysia Kita*, hlm. 162.

oleh Portugis. Dalam tahun yang sama, satu angkatan perang Johor telah singgah di pelabuhan Melaka dalam pelayaran balik ke Johor setelah membantu Sultan Muzaffar Shah di Perak. Ketua angkatan orang Johor telah bertemu dengan Estevao da Gama (anak Vasco da Gama) iaitu ketua Kota Melaka yang baru. Utusan itu mempelawa Portugis menjalin hubungan diplomatik dengan Johor. Atas alasan itu, Estevao da Gama telah menghantar seorang diplomat sebagai utusan. Namun apabila tiba di pelabuhan Pekan Tua, Sultan Alauddin Riayat Shah II mengarahkan membunuh diplomat Portugis sebagai membalas dendam atas pembunuhan Sang Nayang. Peristiwa ini telah memburukkan lagi hubungan Johor dan Portugis dan beberapa siri peperangan meletus berkisar soal dendam dan kepentingan kuasa.¹²

Pada tahun 1535, satu angkatan Portugis dari Melaka terdiri dari dua buah kapal besar dan beberapa buah perahu kecil dengan 400 orang askar bawah pimpinan Estevao da Gama membakar sebuah kubu pertahanan Johor di hulu Sungai Muar.¹³ Sultan Alauddin Riayat Syah II berundur ke Sayong. Pada tahun 1536, sekali lagi Estevao da Gama bersama orang Melayu yang diupah menyerang perkampungan orang Melayu di sepanjang Sungai Johor. Ini memaksa Sultan Alauddin Riayat Shah II bertahan di Muar dan kemudian ke Bintan. Pada tahun 1540, baginda mengalih pusat pemerintahan ke Johor Lama.¹⁴

¹² Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 17

¹³ Leonard Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Shamsuddin Jaafar (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 31-32.

¹⁴ Kota Johor Lama terletak di tebing kiri menghilir Sungai Johor kira-kira 27 kilometer (km) dari bandar Kota Tinggi atau 30 km ke Desaru. Sejarah Kota Johor Lama bermula pada 1540 apabila Sultan Alauddin Riayat Syah II berpindah ke Tanjung Batu. Lihat Kamarudin Ab. Razak, 1998. *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor. hlm. 6.

Johor Lama juga dikenali sebagai Kota Batu. Ia mengambil nama sempena kedudukannya yang berhampiran dengan Tanjung Batu.¹⁵ Selepas tahun 1536 ini, orang Melayu bersama Orang Laut (OL) melakukan sabotaj ke atas kepentingan politik dan perdagangan di Melaka, dengan melakukan rampasan ke atas kapal-kapal Portugis dan para pedagang yang berlabuh di pelabuhan Melaka.¹⁶ Ini telah mewujudkan keadaan tidak selamat kepada pedagang yang berlabuh di pelabuhan Melaka.

KMJ-R juga bersaing dengan kuasa serantaunya dalam proses perluasan dan pengukuhan kuasanya. Aceh mula melancarkan serangan ke atas Johor pada tahun 1564.¹⁷ Sejak tahun 1539 Aceh telah menyerang Aru di pantai Sumatera Timur yang menuntut kemerdekaan dari Aceh. Pada April 1540, Ratu Aru membuat kunjungan ke Bintan bertujuan menjalin hubungan dengan Sultan Alaudin Riayat Shah II. Oleh itu, Aceh melihat Johor sebagai saingan dan musuh baru dalam pengukuhan kuasa di kepulauan Sumatera.¹⁸

Pada tahun 1564, Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar (1537-1568) menjadi Sultan Aceh menyerang Aru dan kemudian menawan Johor Lama. Sultan Alauddin Shah

¹⁵ Bahagian utama tembok kota ini adalah susunan batu yang ditambak dengan tanah. Kota ini terletak di atas sebuah puncak bukit di tepi kiri Sungai Johor. Sebahagian daripada tembok kota terletak di atas sebuah tanjung yang curam tebing Sungai Johor. Kedudukan kota mengadap ke Sungai Johor. Panjang kota dianggarkan kira-kira 1012.7 meter dan purata lebar kota ialah 2 hingga 4 meter. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor, Ibid.*, hlm. 12-13.

¹⁶ Perbincangan mengenai kepentingan OL dalam bab dua. Menurut Buyong Adil, pada tahun 1551 Johor dengan bantuan Perak, Pahang dan Japara (Pulau Jawa) menyerang Portugis di Melaka. Mereka bertindak membakar perahu di pelabuhan Melaka dan merampas barang-barang dan mengepung kota Melaka. Apabila mendapat khabar bahawa satu angkatan Portugis datang untuk menyerang Johor, Perak dan Pahang, kepungan dihentikan. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 19-20.

¹⁷ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 30.

¹⁸ D.G.E. Hall, 1981. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 424.

II dibawa ke Aceh dan mangkat di sana.¹⁹ Walaupun Johor Lama dihancurkan oleh Aceh, namun Sayong Pinang tidak pernah diserang atau dibinasakan oleh mana-mana pihak kerana kedudukannya di tebing sungai yang sempit menimbulkan kesukaran kepada kapal-kapal perang untuk mendarat. Selanjutnya, Aceh bertindak melantik putera Sultan Alauddin Riayat Syah II iaitu Raja Muzaffar yang masih kecil sebagai pemerintah Johor dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah dan berada di bawah pengawasan Aceh. Baginda merupakan Sultan Johor yang kedua. Kota Batu telah dibina semula dan menjadi pusat kerajaannya. Namun akhirnya Sultan Muzaffar Syah berpindah pula ke Seluyut²⁰ yang dianggap lebih selamat.

Selepas kemangkatan Sultan Muzaffar Syah pada 1570 (Marhum Seluyut), Sultan Abdul Jalil Syah I,²¹ iaitu putera Raja Fatimah dengan Raja Omar Pahang mengambil alih takhta Johor sebagai sultan yang ketiga.²² Semasa pertabalan, baginda hanya berusia lapan tahun dan Bendahara Seri Maharaja Tun Hisap Misai menguruskan pentadbiran negara. Keluarga Johor-Pahang menduduki takhta kerajaan Johor. Watikah pelantikan itu adalah wasiat daripada Sultan Muzaffar Syah III. Baginda mangkat pada tahun 1571 iaitu selepas satu tahun pertabalan.²³ Sultan Omar mengambil takhta kerajaan Johor yang ke

¹⁹ Sultan Alauddin Riayat Syah II bersama anak isterinya dibawa ke Aceh lalu dihukum bunuh pada tahun 1564 dan disebut *Marhum Syahid Mangkat di Aceh*. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 6. D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 425.

²⁰ Seluyut pernah menjadi pusat kerajaan Sultan Muzaffar Syah (1564-1570). Di sinilah Tun Muhammad atau Tun Seri Lanang dilahirkan. Istana Sultan dibina di atas Bukit Seluyut yang tingginya kira-kira 204 kaki untuk memudahkan pengawasan pergerakan kapal di Sungai Johor. Sultan Ali Jalla iaitu Sultan Johor keempat telah memindahkan pusat pemerintahannya ke Tanah Putih. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 42-43.

²¹ Baginda adalah anak saudara Sultan Muzaffar Syah III (Sultan Johor yang kedua).

²² Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 51.

²³ Ada ahli sejarah berpendapat bahawa kemangkatan baginda dengan tiba-tiba kerana diracun. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 7. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 27.

empat selepas kemangkatan anaknya Sultan Abdul Jalil Syah I, memakai gelaran Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II (1571-1597).

Aceh tidak mengiktiraf perlantikan Sultan Omar sebagai sultan Johor. Ini kerana jika Johor mempunyai sultannya sendiri yang bukan dilantik oleh Aceh ia berkemungkinan akan bersaing dengan Aceh dalam dasar luarnya. Aceh juga berandaian bahawa KMJ-R masih di bawah pengaruh Aceh. Justeru itu, satu serangan dibuat pada tahun 1570, memaksa Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II berpindah pusat kerajaan dari Seluyut ke Tanah Putih²⁴ dan kemudiannya pada tahun 1573 ke Johor Lama. Baginda telah membaikpulih kota pertahanan yang ditingalkan selama sembilan tahun (1564-1573). Semasa pemerintahan baginda, Johor telah bersahabat dengan Aceh. Persahabatan ini hanyalah sekadar mengelak dari serangan berterusan Aceh. Portugis tidak senang dengan persahabatan ini dan membuat serangan ke atas Kota Batu (Johor Lama) pada tahun 1576 dan 1578 tetapi gagal.²⁵ Sehubungan itu, hubungan Aceh dan Johor menjadi bertambah erat apabila Aceh bersetuju membantu Johor menyerang Portugis di Melaka.

Semasa Sultan Alauddin Mansur Shah memerintah Aceh pada tahun 1582, baginda merupakan seorang yang berpegang kepada konsep Islamisasi. Baginda berhasrat untuk menjadikan Johor sebagai naungannya. Hubungan mula retak apabila Sultan Ali

²⁴ Tanah Putih atau Pasir Putih atau Gonggong terletak kira-kira 4 km ke hilir Sungai Seluyut di tepi Sungai Johor bertentangan Bukit Seluyut. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah pengasasnya. Baginda menjadikan Tanah Putih sebagai pusat pemerintahannya selepas berpindah dari Seluyut. Tanah Putih dikatakan satu-satunya tempat berlabuh sebelum menuju ke Kota Tinggi. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 50-51.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 51.

Jalla Abdul Jalil tidak dapat menerima diri baginda dijadikan raja boneka²⁶ dan perlu sentiasa tunduk kepada Aceh. Oleh itu Sultan Ali Jalla Abdul Jalil bertindak menjalin hubungan dengan Portugis. Baginda telah datang ke Melaka bertemu dengan ketua Portugis di Melaka. Rogue de Mello, ketua Portugis di Melaka menyambut baik dan mengadakan satu pesta yang meriah. Pada tahun 1582 orang Portugis membantu sultan Johor mematahkan satu serangan dari Aceh.²⁷

Pada bulan Januari 1583, sebuah kapal milik Portugis yang diketuai oleh Simao Ferreira yang berlayar dari China untuk berdagang di Melaka telah karam berhampiran kuala Sungai Johor. Kapal yang sarat dengan muatan itu terpaksa diangkat ke Johor di bawah arahan dan pengawasan Sultan. Namun pegawai Portugis di Johor Lama cuba menuntut dan mendapatkan kembali barang dagangan itu namun gagal. Ini menyebabkan pemerintah Portugis di Melaka membawa keluar pegawainya dari Johor. Joao da Silva ketua Portugis di Melaka telah bertindak mengepung muara Sungai Johor dan mengarahkan kapal yang ingin berlabuh di Johor beralih ke pelabuhan Melaka.²⁸

Pada tahun 1586 dan Januari 1587 Sultan Ali Jalla Abdul Jalil II mengepung Melaka dari darat dan laut. Angkatan perang baginda berjaya menawan Bukit Cina. Namun apabila angkatan Portugis datang ke muara Sungai Johor untuk menyerang Kota Lama, angkatan perang Johor mula berundur ke muara Sungai Johor. Portugis telah

²⁶ Boneka bermaksud anak asak, anak-anakan, popi, golek, patung kecil, permainan kanak-kanak, orang-orangan. Juga bermaksud alat, perkakas, orang yang menjadi permainan orang lain, sesuatu yang dipergunakan untuk mencapai maksud orang lain. Haji Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sda. Bhd., hlm. 250.

²⁷ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 426. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 32.

²⁸ Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 32.

mendapat bantuan dari angkatan Portugis di Goa. Kemudiannya Portugis pula menyerang dan menewaskan Johor pada 15 Ogos 1587.²⁹

Portugis di bawah pimpinan Siamon de Abreu da Antonio de Noronha telah mengepung Johor Lama selama hampir sebulan. Selepas serangan itu, pusat pemerintahan Johor berpindah ke hulu dan kemudiannya ke Batu Sawar. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II mangkat pada tahun 1597.³⁰ Selepas kemangkatan baginda, Raja Mansur, putera baginda telah memegang tampok pemerintahan Johor dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah III berpusat kerajaan di Batu Sawar. Dalam pentadbiran kerajaan, baginda dibantu oleh Bendahara Tun Seri Lanang dan adinda baginda Raja Abdullah.³¹

Pada awal abad ke-17, kuasa Belanda dan British mula bertapak di Johor terutama dalam perdagangan dan ketenteraan. Kunjungan wakil Belanda Jacob van Heemskerck pada tahun 1602 telah mendapat layanan mesra daripada baginda dan Raja Abdullah. Atas dasar politik dan ekonomi, baginda mengadakan persahabatan dengan Belanda. Persahabatan ini tidak disenangi oleh Portugis, tambahan pula kedudukan Johor yang semakin kukuh. Akibatnya Johor terpaksa berdepan dengan tekanan daripada Portugis termasuk serangan ke atas pelabuhannya. Atas nasihat Raja Abdullah, Sultan Alauddin tidak mengendahkan desakan Portugis supaya membatalkan perjanjian persahabatan

²⁹ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 426

³⁰ Menurut Paulo de Lima Pereira, Portugis membakar kota Johor Lama dan Kota Batu. Portugis merampas 800 pucuk meriam gangsa, emas, perak, 1,200 buah perahu. Namun, kapal rampasan perang ini telah karam di perairan Indonesia. Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah Di Pesisiran Sungai Johor*, hlm. 8. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 46.

³¹ Raja Abdullah juga dikenali sebagai Raja Bongsu dan Raja Sebarang. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 48.

dengan Belanda. Secara jelas, Johor mendapat banyak manfaat hasil hubungan dengan Belanda terutama mengurangi kekangan kuasa Portugis dan Aceh. Oleh itu, Raja Abdullah meminta Belanda memerangi Aceh dan mengepung bandar Melaka. Namun kepungan ke atas Melaka itu gagal apabila pihak Belanda mengalami banyak kerosakan dan terpaksa berundur.³²

Portugis menyerang Batu Sawar pada tahun 1608. Walaupun serangan itu tidak mendatangkan banyak kemusnahan kepada Johor, tetapi ia berjaya memaksa Sultan Alauddin Riayat Syah berpindah dan bersemayam di Pasir Raja berdekatan dengan Batu Sawar. Pada tahun 1610, baginda telah membuat hubungan persahabatan dengan Portugis di Melaka. Hubungan ini sebenarnya sebagai satu helah untuk mengelak serangan berterusan Portugis ke atas Johor. Pada waktu itu Aceh di bawah pemerintahan Iskandar Shah (1606-1636) yang merampas takhta Aceh dan memakai gelaran Iskandar Muda Mahkota Alam.³³ Aceh melihat tindakan Johor ini sebagai berpihak kepada lawan. Iskandar Muda bertindak menyerang Johor pada Jun 1613 dan berjaya menduduki Kota Seberang dan Batu Sawar. Sultan Alauddin Riayat Syah III, Raja Abdullah, Bendahara Tun Seri Lanang, beberapa orang panglima dan orang-orang besar Johor serta dua puluh orang Belanda telah dibawa ke Aceh. Aceh memberi layanan baik kepada Sultan Alauddin. Raja Abdullah telah berkahwin dengan adinda Iskandar Muda yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara dua kerajaan. Pada tahun 1614 Raja Abdullah bersama dengan Sultan Alauddin Riayat Syah III dibenar pulang ke Johor untuk mentadbir negeri. Raja Lela Wangsa iaitu seorang wakil pembesar Aceh ditugaskan

³² Lihat L.Y. Andaya, 1975. *The Kingdom of Johore 1641-1728: Economic and Development*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 23.

³³ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 427.

membuat pengawasan. Namun Aceh memberi amaran keras kepada Johor, agar tidak bersubahat dengan Portugis ataupun Belanda.

Walau bagaimanapun, Raja Abdullah masih lagi meneruskan hubungan dengan Belanda. Ini terbukti apabila pada bulan Ogos 1614 Adriaen van der Dussen telah membuat lawatan ke Johor dan diterima baik oleh Raja Abdullah. Sementara itu, Sultan Alauddin Riayat Syah III membuat pakatan dengan Portugis di Melaka untuk merajakan puteranya iaitu Raja Bujang sebagai Sultan Pahang pada tahun 1615. Ia bertujuan mengambil alih pemerintahan dari putera Sultan Abdul Ghaffur yang dikatakan berkelakuan tidak baik. Oleh itu, pada tahun 1615 sekali lagi Aceh melancarkan serangan ke atas Batu Sawar. Sultan Alauddin Riayat Syah III, telah dibawa ke Aceh dan dibunuh. Manakala Raja Abdullah pula ditabalkan menjadi pemerintah Johor yang keenam dengan gelaran Sultan Abdullah Muayat Syah (1615-1623).³⁴

Oleh kerana kenaikan Raja Bujang ke atas takhta Pahang berpunca daripada pakatan Johor-Portugis, ia telah menimbulkan perasaan curiga pada pihak Aceh yang akhirnya membawa serangan ke atas Pahang pada tahun 1617. Pada tahun 1618 Pahang berjaya dikalahkan dan Raja Bujang berundur ke Pulau Lingga. Sultan Abdullah Muayat Syah pula berpindah ke Pulau Lingga. Dalam masa yang sama Aceh telah menyerang Kedah (1619) dan Perak (1620).³⁵ Pada tahun 1623, Aceh menyerang Pulau Lingga, Sultan Abdullah dan Raja Bujang berundur ke Pulau Tembelan. Sultan Abdullah mangkat di sana dan dikenali *Marhum Tembelan*. Takhta kerajaan Johor yang ke tujuh telah

³⁴ Buyong Adil, 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 61.

³⁵ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 427.

diduduki oleh Raja Bujang dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Syah III (1623-1677). Sementara itu, tentera Aceh telah mengalami kemerosotan apabila tewas kepada Portugis di Melaka pada tahun 1629 yang mengorbankan 19,000 orang. Johor pula bangkit dan menyusun semula hubungan dagangan dengan dunia luar. Orang-orang Johor yang lari ke Jambi dan Palembang dipanggil balik. Johor menjadi teguh apabila angkatan laut Johor berjaya dibentuk semula. Ini berdasarkan laporan Belanda pada tahun 1637 menyebut bahawa angkatan laut Johor di Kepulauan Karimun bukan sahaja merampas kapal-kapal Portugis malah berjaya mengalahkan angkatan laut Aceh yang hendak pergi ke Pahang.³⁶ Manakala pada 27 Disember 1636, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah mangkat. Menantu baginda Raja Mughal putera Raja Ahmad pula ditabalkan menjadi Sultan Aceh dengan gelaran Sultan Iskandar Thani. Semasa Iskandar Thani memerintah, kedudukan Aceh masih lagi teguh. Namun dasar Iskandar Thani yang tidak menekankan perluasan wilayah telah meredakan keadaan. Dasar toleransi yang dipegang oleh baginda telah menyebabkan Aceh tidak lagi agresif.

Pada tahun 1637 Sultan Abdul Jalil Shah III, membuat pakatan dengan Belanda untuk mengepung Kota Melaka. Johor melihat kehadiran kuasa Belanda sebagai satu peluang keemasan menggunakan Belanda bagi mengukuhkan kedudukan Johor. Dalam pada itu Aceh yang curiga terhadap persahabatan Belanda dengan Johor telah membantah serta menarik balik perjanjian dengan Belanda untuk menyerang Portugis di Melaka.³⁷

³⁶ *Malaysia Kita*, hlm. 166.

³⁷ Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 69.

Pada 2 Ogos 1640, Belanda dan Johor memulakan kepungan ke atas Melaka. Pasukan Johor di bawah pimpinan Sri Bija Diraja, anak Laksamana Johor berfungsi membina kubu, parit dan mengangkut barang-barang keperluan. Portugis menyerah kalah pada 14 Januari 1641,³⁸ dan menandakan tamatnya ancaman Portugis ke atas Johor selama seratus tiga belas tahun. Berikutnya, pada 15 Februari 1641, Sultan Iskandar Thani Aceh mangkat. Balunya Puteri Safiatuddin (Puteri Seri Alam) diangkat menjadi Sultan bergelar Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah. Perlantikan baginda menandakan bermulanya era raja perempuan di Aceh. Selepas tahun 1641, Aceh tidak lagi agresif untuk berperang. Malah pengantian takhta oleh seorang wanita banyak mengubah dasar luar Aceh. Balu Sultan Iskandar Thani ini lebih bersifat sederhana dan berdiplomasi dalam banyak hal. Misalnya dalam soal hubungan dua hala bidang ekonomi dan keselamatan. Ini membuka peluang kepada Johor untuk mengecapi kecemerlangan dan keteguhan kerajaan.³⁹

Tahun 1641 penting dalam sejarah peradaban Melayu Johor kerana menjadi titik asas kepada perkembangan sejarah negeri Johor.⁴⁰ Ini memandangkan ancaman dari kuasa Portugis dan Aceh sudah berakhir. Johor berjaya memperkukuhkan kekuasaannya dengan kedudukan kawasan yang jelas dan kepentingan ekonomi terus meningkat.⁴¹ Sultan Abdul Jalil Syah (1623-1677) berjaya mewujudkan sempadan wilayah kekuasaan

³⁸ Kapten Belanda Williemson Kaartokoe telah menyerah diri kepada Gabenor Portugis, Dom Manuel de Souza Coutinho. Peperangan Belanda-Portugis mengakibatkan 7,000 orang terkorban dan hampir 10,000 orang lagi melarikan diri. Tinggal hanya 3,000 orang sahaja yang masih menetap di bandar Melaka. Peperangan ini mengakibatkan 1,500 orang tentera Belanda termasuk tiga orang pasukan tenteranya terkorban. Askar Portugis yang terkorban seramai 200 orang dan 500 orang lagi mati akibat serangan malaria. Lihat *Pengamatan Melalui Lukisan & Diorama Melaka*. Perbadanan Muzium Melaka, 1989, hlm. 79.

³⁹ Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1994. "Kesultanan Johor, 1528-1885" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.), *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 23. D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 427.

⁴⁰ Abdullah Zakaria bin Ghazali "Kesultanan Johor, 1528-1885", hlm. 23.

⁴¹ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 50. Maklumat lanjut tentang perkembangan ekonomi Johor, sila rujuk Bab 3.

Johor yang jelas. Kerajaan Johor waktu itu, merangkumi Sungai Kampar, Sungai Penagi (Kuala Linggi), Sungai Klang, Sungai Siak, Unggaran, Bengkalis, Pulau-Pulau Karimun, Bintan (Riau), Bulang, Lingga dan pulau-pulau sekitarnya, Singapura, Muar dan Sungai Batu Pahat.⁴² Manakala Buyong Adil pula menyebut, pada masa itu raja-raja dan ketua pemerintah di kepulauan sekitar Johor, gugusan kepulauan Riau, Bengkalis, Kampar, Siak di Sumatera Timur semuanya berada di bawah naungan Sultan Abdul Jalil Shah III.⁴³

Dalam peristiwa lain Johor pernah berkonflik dengan kerajaan Jambi. Punca kepada konflik ini berkaitan masalah wilayah iaitu Tungkal. Sejak dari tahun 1629, Johor menuntut agar Jambi menyerahkan kembali Tungkal. Namun semua rayuan itu tidak merubah pendirian Jambi. Sehingga tahun 1655 Tungkal tetap berada bawah pentadbiran Jambi sehinggalah pemberontakkan rakyat Tungkal pada tahun yang sama meminta berada bawah naungan Johor. Pengeran Ratu Jambi amat marah dengan hal ini. Namun menyedari kekuatan Johor pada waktu itu, Jambi memilih penyelesaian sengketa secara diplomasi. Jambi sebelum ini pernah membuat perjanjian dengan Belanda di Betawi meminta bantuan Belanda sekiranya peperangan antara Johor dan Jambi berlaku.⁴⁴

Johor dan Jambi memilih perkahwinan politik sebagai jalan penyelesaian. Pada tahun 1659 Raja Muda Johor (Raja Ibrahim) anak Sultan Hammat Shah (1613-1623) berkahwin dengan puteri Pengeran Ratu Jambi. Perkahwinan ini diharapkan dapat melahirkan harapan baru antara kedua-dua pihak. Sehingga tahun 1660 Raja Muda

⁴² *Ibid.*, hlm. 49.

⁴³ Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 70.

⁴⁴ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 113-114.

tinggal di Jambi. Pada waktu itu, Jambi berada di bawah naungan kerajaan Mataram. konflik di antara Jambi dan Johor tidak dapat dielakkan pada akhir abad ke-17. Perang akhirnya tercetus atas sebab sikap kerajaan Johor yang memandang rendah kedaulatan Jambi. Ini memandangkan kerajaan Johor mempunyai banyak wilayah dan kawasan yang luas. Sebaliknya Jambi hanyalah sebuah kerajaan kecil yang bernaung di bawah kerajaan Mataram. Perang seterusnya apabila kedua-dua pihak berusaha untuk menguasai perdagangan antarabangsa dengan menguasai jalan laut.⁴⁵

Perang ini telah menonjolkan peranan suku OL Johor yang berasal dari pulau-pulau di selatan Johor dan suku Orang Jambi dari dan pulau-pulau berhampiran pantai Jambi. Mereka berperang memusnahkan perdagangan pihak lawan. Ini termasuklah menyekat dan memaksa pedagang berdagang di pelabuhannya dan merampas kapal dagang yang melalui lalauannya. Belanda juga turut bimbang terganggunya perdagangan lada hitamnya di Jambi dan perdagangan mereka melalui Selat Melaka. Pada masa yang sama Sultan Abdul Jamil turut meminta Belanda melindunginya daripada serangan Jambi dan Mataram. Oleh itu, Belanda di bawah Manuel de Motto membuat hubungan dengan Jambi dan Johor sekaligus.⁴⁶

Bagi mengurangkan ketegangan tersebut, Raja Muda telah pulang ke Johor pada bulan September 1660 dan berjanji akan balik semula mengambil isterinya di Jambi. Namun Raja Muda tidak pulang mengambil isterinya di Jambi. Ini menyebabkan Jambi menghantar dutanya ke Johor pada tahun 1665. Raja Muda telah diberi dua pilihan sama

⁴⁵ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 120-122

⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 114.

ada mengambil isterinya atau menceraikannya. Tindakan Sultan Abdul Jalil menghalang Raja Muda mengambil isterinya telah mengusutkan keadaan.⁴⁷

Pada tahun 1665 Sultan Abdul Jalil cuba menyelesaikan sengketa dengan mengadakan gencatan senjata. Namun pada tahun 1667 sengketa tercetus lagi apabila Laksamana Tun Abdul Jamil menyerang Jambi kerana menganggap tindakan utusan Jambi itu sebagai mengancam kewibawaan Johor. Sehingga tahun 1670-an peperangan antara Johor dan Jambi masih berterusan. Walaupun pertempuran sengit antara kedua-dua pihak jarang berlaku. Namun perang untuk menguasai jalan perdagangan berlaku hampir setiap hari.⁴⁸

Pada tahun 1673 angkatan perang Jambi berjaya mengalahkan Johor Lama. Bendahara dan beberapa Orang Kaya termasuk Laksamana Tun Abdul Jamil telah di bawa ke Jambi. Walaupun Johor Lama tewas, tetapi ia tidak tewas sepenuhnya, hanya berpecah buat sementara waktu. Pada 31 Julai 1673 Gabenor Bort dari Melaka menerima sepucuk surat dari ketua pembesar Johor di Muar, iaitu Orang Kaya Sri Bija di Raja membawa perintah sultan agar Belanda membantu Johor memerangi Jambi. Belanda enggan berbuat demikian kerana Johor dan Jambi merupakan sekutu Belanda. Pada masa yang sama Laksamana Tun Abdul Jamil berjaya melepaskan diri dari Jambi dan membina kembali kekuatan Orang Laut Johor. Sultan Abdul Jalil akhirnya ke Pahang dan Raja Muda telah ambil alih takhta Johor yang kemudian berpusat di Singapura.⁴⁹

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 121.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 132-133.

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil ini, Raja Bajau iaitu putera *Marhum Tambelan*, telah diangkat oleh baginda menjadi Raja Muda yang memerintah Pahang. Pada masa inilah kemakmuran di Johor, Pahang dan Aceh telah banyak memberi manfaat kepada kerajaan Johor dalam membangunkan peradabannya.

Memandangkan Sultan Abdul Jalil Shah III tidak mempunyai putera maka Raja Ibrahim putera al-marhum Raja Bajau dilantik menjadi sultan Johor dengan gelaran Sultan Ibrahim Shah. Pada zaman baginda, hubungan dengan kerajaan Jambi telah terjalin semula terutama awal tahun 1680-an. Pada tahun 1685 Sultan Ibrahim telah mangkat di Riau. Putera baginda Raja Mahmud, menaiki takhta Johor dengan gelaran Sultan Mahmud II.

Baginda memegang takhta pada usia muda. Baginda menjadikan Kota Tinggi sebagai pusat pentadbiran kerajaan dan meneruskan dasar ayahandanya bersahabat dengan kuasa Belanda. Oleh kerana pelantikan baginda pada usia yang begitu muda, Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil menjadi pemangku kerajaan Johor-Riau-Pahang.⁵⁰ Walaupun baginda menjadi raja, kekuasaan sebenarnya berada pada tangan Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil.

Pada tahun 1685, orang Belanda telah mengambil peluang mendesak pembesar Johor supaya menyerahkan monopoli bijih timah di Siak kepada Belanda. Kerajaan Siak waktu itu merupakan wilayah naungan Johor. Namun begitu, pentadbiran Johor diambil alih oleh Bendahara Tun Habib Abdul Majid apabila Laksamana Paduka Raja Tun

⁵⁰ Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 82.

Abdul Jamil meninggal dunia pada tahun 1688. Semasa Bendahara Tun Habib Abdul Majid menjadi pemangku kerajaan Johor, beliau cuba merapatkan hubungan dengan Belanda dengan mengadakan satu perjanjian perdagangan dan diplomatik pada tahun 1689. Melalui perjanjian ini telah membuka ruang perdagangan kepada pihak Belanda untuk berdagang di Johor tanpa cukai. Johor telah memperuntukkan keistimewaan dengan membenarkan kapal Belanda berdagang di mana-mana wilayah kerajaan Johor.⁵¹

Melalui perjanjian ini juga Kapal perdagangan dari kepulauan Melayu akan dikawal rapi. Manakala pedagang luar seperti dari India masih boleh berdagang di Johor, namun tidak boleh menetap di situ. Oleh kerana aktiviti perdagangan orang Belanda telah mengongkang dan menyekat pedagang tempatan, Sultan Mahmud II telah menghantar utusan pada tahun 1691 untuk membatalkan deklarasi perdagangan itu. Pada waktu ini Johor lemah berpunca dari sikap Sultan Mahmud II yang mengeneipkan pandangan dan nasihat pembesarnya. Orang-orang Besar Johor mula curiga melihat kelakuan Sultan Mahmud II yang kurang berminat menjaga kerajaan. Selepas kemangkatan Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid pada tahun 1697, anak baginda Tun Abdul Jalil telah dilantik menjadi Bendahara dengan gelaran Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil. Pada waktu ini, pentadbiran Johor dikendalikan oleh Bendahara Tun Abdul Jalil. Sultan Mahmud berkerajaan selama empat belas tahun.⁵² Pada tahun 1699 baginda mangkat dibunuh oleh Laksamana baginda iaitu Megat Seri Rama.⁵³ Terdapat sembilan

⁵¹ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 432. Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 102.

⁵² R.J. Wilkinson, 1931. "Mahmud II and Abdul Jalil III, 1685-1720, A.D." *JMBRAS*, Jil. 9, Bhg. 1, hlm. 28-34. Raja Ali Haji 1956. *Salsilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-Rajanya*. Johor Bahru, hlm 13.

⁵³ Raja Haji Ahmad dan Raja Haji, 1997. *Tuhfat al-Nafi*, Virginia Matheson, (ed.). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 39. Baginda digelar *Marhum Mangkat Dijulang* atau *Marhum Kota Tinggi*. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 85.

orang raja Johor yang mewarisi takhta selepas Sultan Alauddin sehinggalah tahun 1699. Kemangkatan Sultan Mahmud II menandakan berakhirnya kesultanan dari Melaka.⁵⁴

⁵⁴ Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, 1982. "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, bilangan 7, hlm. 249.

JOHOR SELEPAS KEMANGKATAN SULTAN MAHMUD II (1699-1721)

Sultan-sultan berketurunan dari kesultanan Melaka di Johor hanya dapat bertahan sehingga tahun 1699. Sultan Mahmud II (1685-1699) merupakan Sultan berketurunan Melaka yang terakhir.⁵⁵ Oleh kerana Sultan Mahmud II tidak mempunyai zuriat, maka Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil telah dipilih dan diangkat menjadi sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (1699-1718).⁵⁶ Perlantikan itu menandakan bermulanya pemerintahan baru dalam kesultanan Johor iaitu dari keluarga Bendahara. Semasa awal dinasti Bendahara terbentuk di Johor, terdapat beberapa konflik yang berlaku antara pembesar Johor. Salah satu penentangan terhadap dinasti Bendahara ialah tentangan dari Orang Laut. Sri Bija Wangsa merupakan ketua Orang Laut bertugas menyusun dan mengepalai Orang Laut dalam peperangan amat marah dengan pembunuhan Sultan Mahmud II. Orang laut begitu marah sehinggakan mereka bukan sahaja enggan mengakui pemerintah yang baru, tetapi juga turut mengancam mengambil tindakan balas ke atas orang Johor kerana pembunuhan ke atas pemerintah mereka. Namun selepas kematian pemimpin mereka Sri Bija Wangsa, tindakan Orang Laut mula reda. Orang Laut bertindak memulaukan kerajaan Johor. Orang Laut secara terbuka mengumumkan bahawa mereka lebih rela meletakkan diri di bawah pemerintahan Palembang daripada memberikan taat setia kepada seorang penderhaka.⁵⁷

⁵⁵ Lihat R.O. Winstedt, 1932. "A History of Johor 1365-1895" *JMBRAS*, Jil. 11, Bhg. 3, hlm. 50. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 73. Aruna Gopinath, 1991. *Pahang 1880-1933: A Political History*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, hlm. 17. Berkenaan pembunuhan itu, lihat Abdullah Zakaria Ghazali, 1982. "Sultan Keturunan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 7, hlm. 58-59.

⁵⁶ Abdullah Zakaria Ghazali dalam "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", hlm. 48-52.

⁵⁷ L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 251-253.

Pembunuhan ini turut mengejutkan Bengkalis dan semua wilayah naungan Johor. Pemerintah Perak pula mengirim wakil dan beberapa pucuk surat ke Belanda di Melaka memberitahu pembunuhan itu dan hasrat untuk membalas dendam. Justeru itu, Perak memohon bantuan ketenteraan Belanda sekurang-kurangnya senjata untuk menyerang Johor. Ini telah memberikan tekanan hebat kepada Johor dan dinasti barunya.⁵⁸ Pada tahun 1718 Raja Kecil⁵⁹ dari Siak pergi ke Johor dan mendakwa dirinya sebagai putera Sultan Mahmud II, serta menuntut takhta.⁶⁰ Raja Kecil telah mendapat bantuan daripada orang Minangkabau, Orang Laut, Laksamana Johor, pembesar dan penduduk bagi menduduki takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah. Raja Kecil menduduki takhta Johor dengan pusat pentadbirannya di Riau.⁶¹

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Raja Kecil dikatakan anak kepada Sultan Mahmud mangkat dijulang, ibunya Encik Pong (gundik) yang telah bersama dengan sultan sebelum mangkat. Encik Pong telah melarikan diri ke Pagar Ruyung. Raja Kecil dipelihara oleh Puteri Janilan (ibu angkatnya). Raja Kecil juga dikenali dengan Si Buyung, Tuan Bujang dan Raja Beralih. Selepas menjadi Raja Johor, Raja Kecil berkahwin dengan Tengku Kamariah anak Bendahara Abdul Jalil. Lihat Mustafa Mohd Isa, 1999. *Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 111. Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm.45.

⁶⁰ L. Y. Andaya, 1972. "Raja Kechil and the Minangkabau Conquest of Johore in 1718", *JMBRAS*, Jil. 45, Bhg. 2, hlm. 51-74. Winstedt, *History of Johore*, hlm. 47.

⁶¹ Raja Haji Ahmad dan Raja Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 49.

JOHOR DI BAWAH PENGARUH BUGIS (1721-1819)

Setelah Raja Kecil (1718-1722) mengambil alih kuasa di Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Johor. Putera Sultan Abdul Jalil Syah IV iaitu Raja Sulaiman⁶² telah meminta bantuan Bugis Lima Bersaudara iaitu Daeng Marewah, Daeng Parani, Daeng Chelak, Daeng Kemasi dan Daeng Menambun, anak kepada Terribureng Daeng Releкке. Melalui pertolongan dari Bugis ini, Raja Sulaiman berjaya mengalahkan Sultan Abdul Jalil Syah.⁶³ Pada tahun 1722 Raja Sulaiman ditabalkan menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722-1760), berkerajaan di Pulau Bintan, Riau.⁶⁴ Bagi membalas budi Bugis, satu jawatan baru diwujudkan, Daeng Marewah dilantik sebagai Yang Di Pertuan Muda (YDPM) Johor yang pertama.⁶⁵

Kenaikan Sultan Sulaiman di atas kerajaan Johor menandakan penguasaan semula keluarga Bendahara. Apabila Sultan Sulaiman mangkat, putera baginda Raja Di Baroh telah diangkat menjadi sultan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muazam Syah (1760-1761). Ketika itu baginda berada di Selangor. Namun sebelum sempat kembali ke Riau, baginda telah mangkat. Takhta Johor telah dipegang pula oleh putera baginda Raja

⁶² Raja Sulaiman ialah putera kepada Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah IV. Baginda menduduki takhta antara tahun 1722-1760 dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Bagindalah yang mewujudkan jawatan baru dalam kerajaan Johor iaitu Yang Di Pertuan Muda (YDPM) Johor untuk orang Bugis. Ini telah membataskan kuasa baginda sendiri kerana kuasa mutlak sebenarnya terletak pada tangan YDPM. Malah bagi mengeratkan lagi hubungan antara orang Bugis, baginda telah mengahwinkan saudara baginda bernama Tengku Mandak dengan Daeng Chelak. Raja Haji Ahmad dan Raja Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 84.

⁶³ Bugis mendapat tempat dalam kerajaan Johor dengan adanya satu rundingan antara Sultan Sulaiman dengan Bugis. *Ibid.*, hlm. 50-51.

⁶⁴ Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Istana dan Politik Johor 1835-1885*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, hlm. 6.

⁶⁵ Raja Ali Haji, 1965. *Tuhfat al-Nafis*. Singapura: Malaysian Publication Ltd., hlm. 62. Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm.6.

Ahmad yang masih kecil.⁶⁶ Sultan Ahmad tidak lama memerintah dan mangkat pada tahun 1761. Oleh itu, takhta kerajaan diganti oleh saudara baginda, Raja Mahmud yang juga ketika itu masih kecil. Baginda memakai gelaran Sultan Mahmud III memerintah kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga (1761-1812) dan bersemayan di Lingga.⁶⁷ Sultan Mahmud kemudian mempunyai dua orang putera, iaitu Tengku Husin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman yang kedua-duanya bukan anak gahara.⁶⁸

Perpecahan kerajaan Johor kian jelas berikutan konflik takhta setelah kemangkatan Sultan Mahmud Syah III pada 12 Januari 1812, di Lingga.⁶⁹ Sejak Bugis masuk ke Johor, orang Melayu merasa terpinggir. Ini menjadikan orang Melayu di negeri-negeri yang sebelum ini ada hubungan dengan Johor seperti Terengganu dan Pahang semakin menjauhkan diri dari politik Johor yang didominasi oleh Bugis.⁷⁰ Kekusutan bertambah apabila berlaku pula persaingan antara kedua-dua putera baginda. YDPM Raja Jaafar, anak Raja Haji dan para pembesar Johor lebih menyokong Tengku Abdul Rahman menaiki takhta. Pada masa tersebut juga YDPM Raja Jaafar dan Tengku Abdul Rahman telah berbaik semula dengan Belanda. Raja Jaafar menjadi YDPM yang keenam menggantikan YDPM Raja Ali yang meninggal dunia pada tahun 1806.⁷¹ Takhta kerajaan sepatutnya diduduki mengikut adat kesultanan Melayu (anak sulong) tidak

⁶⁶ Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*, hlm. 19.

⁶⁷ R.O. Winstedt, 1969. *Malayan and its History*. London: Lutchinson University Library, hlm. 59. Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm. 56.

⁶⁸ Tengku Husin ialah putera Sultan Mahmud dengan Che Makoh, anak Daeng Maturang atau Daeng Jaafar, manakala Tengku Abdul Rahman ialah putera Sultan Mahmud dengan Che Mariam, anak Bendahara Hasan. Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm. 6-7.

⁶⁹ C.H. Wake, 1975 "Raffles and the Rajahs", *JMBRAS*, Jil. 3, hlm. 51.

⁷⁰ Khoo Kay Kim, 1970. "Nineteenth Century Malaya Peninsula – II", *Glimpses of Malaysian History*, Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 58-59.

⁷¹ Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm. 8.

diikuti apabila adinda Tengku Husin, Tengku Abdul Rahman mengambil alih takhta dengan sokongan YDPM Johor Raja Jaafar.

Tengku Abdul Rahman menaiki takhta Johor dengan memakai gelaran Sultan Abdul Rahman I dan berpusat di Lingga.⁷² Ketika pertabalan Tengku Abdul Rahman, Tengku Husin berada di Pahang kerana mengahwini Che Wan Esah, iaitu adik Bendahara Pahang, Tun Ali. Tengku Abdul Rahman pada mulanya menolak,⁷³ tetapi akhirnya menerima pelantikan tersebut. Selepas pertabalan ini, YDPM Johor Raja Jaafar bertindak menguruskan pentadbiran negara. Manakala Tengku Abdul Rahman seolah boneka sahaja.⁷⁴ Kesan dari itu telah wujud perselisihan antara keluarga diraja Pahang dengan YDPM Raja Jaafar dan pengikut-pengikutnya.⁷⁵ Ini kerana, Bendaharan Tun Ali beranggapan bahawa Tengku Husin sepatutnya menjadi sultan Johor.

Apabila Tengku Husin pulang ke Lingga, baginda mendapati Tengku Abdul Rahman telah menduduki takhta kerajaan. Tengku Husin telah berundur dan tinggal di Pulau Penyengat bersama Tengku Puteri Hamidah Binti Raja Haji. Tengku Puteri adalah isteri Sultan Mahmud III.⁷⁶ Tengku Puteri tidak mahu menyerahkan alat kebesaran kerajaan (regalia) untuk pertabalan Tengku Abdul Rahman kerana beliau tidak menerima

⁷² W.A. Linehan, 1936. "*History of Pahang*" *JMBRAS*, Jil. 9, Bhg 2, hlm. 56.

⁷³ Malah beliau pernah memberitahu William Farquahar yang beliau tidak menganggap dirinya sebagai sultan yang sebenar kerana perlantikannya adalah atas paksaan YDPM dan pengikut-pengikutnya. Lihat Mardiana Nordin, "Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks Tuhfat al-Nafis", hlm. 112.

⁷⁴ J. Kennedy, 1975. *A History of Malaya*. London: The Macmillan Press Ltd., hlm. 92.

⁷⁵ Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1984. "Persaingan Di Antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885, Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 9.

⁷⁶ Juga dikenali dengan Engku Puteri atau Raja Hamidah iaitu anak kepada Raja Haji. Perkahwinan Tengku Hamidah dengan Sultan Mahmud III, tidak mendapat sebarang zuriat. Tengku Hamidah telah mengambil Tengku Husin sebagai anak angkat. Lihat R.O Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, hlm. 73.

pertabalan sultan yang dicalonkan oleh pihak Bugis.⁷⁷ Pada tahun 1822, alat kebesaran diraja Johor yang disimpan oleh Tengku Puteri ini telah diambil secara paksa oleh YDPM. Istiadat pertabalan hanya dapat dilakukan sepenuhnya pada tahun 1823.⁷⁸ Menurut C.H. Wake (1975) pada tahun 1823 Tengku Abdul Rahman ditabalkan sebagai sultan dengan dihadiri oleh YDPM dan pegawai-pegawai Belanda. Tindakan YDPM Raja Jaafar ini mendapat tentangan pembesar Johor. Beberapa orang menteri kerajaan di Lingga turut membantah dengan meninggalkan Istana Lingga.⁷⁹ Bagi Haji Muhammad Said Sulaiman (1930) penyebab utama rakyat Johor terbahagi kepada dua pihak. Satu pihak menyokong Tengku Husin dan satu pihak menyokong Tengku Abdul Rahman. Para pembesar telah bermesyuarat untuk menentukan pengganti Sultan Mahmud. Oleh kerana Belanda lebih suka kepada Tengku Abdul Rahman, maka hak Tengku Husin terpaksa diketepikan.⁸⁰

Konflik takhta membuka peluang kepada British untuk campur tangan. Niat sebenar British ialah bagi menguasai Pulau Singapura. Sir Stamford Raffles berjaya mempengaruhi Temenggung Johor, Abdul Rahman supaya Tengku Husin diangkat sebagai sultan Johor. Tengku Husin tiba di Singapura pada tahun 1819, dan diisytiharkan sebagai sultan Johor dan Singapura.⁸¹ Dalam masa yang sama perjanjian antara Sultan

⁷⁷ C.H. Wake, "Raffles and the Rajahs", *JMBRAS*, Jil. 3, hlm. 51. R.O. Winstedt, 1932. "A History of Johore", 1365-1895", *JMBRAS*, Jil. 10, Bhg. I, hlm. 74-75.

⁷⁸ Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1984. "Persaingan Di Antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885", hlm 12.

⁷⁹ Laksamana berundur ke Siak, Raja Indera Bongsu ke Pahang, manakala Raja Tua ke Kalimantan. Pembesar-pembesar lain turut berpindah termasuk Temenggung Johor dan Bendahara Pahang. C.H. Wake, "Raffles and the Rajahs", *JMBRAS*, Jil. 3, hlm. 51-52. P.J. Begbie, 1967. *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 289.

⁸⁰ Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm. 8-9.

⁸¹ Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*, hlm. 23. Buyong Adil, 1972. *Sejarah Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 62-63.

Husin dan Temenggung Abdul Rahman ditandatangani dengan pihak British pada 6 Februari 1819 (11 Rabiul Akhir 1234). Fasal pertama memperuntukan Tengku Husin diakui sebagai sultan Johor; Temenggung pula sebagai pemerintah Singapura dan daerahnya. Fasal kedua pula, pihak kompeni British akan membayar elaun tahunan sebanyak \$5,000.00 kepada Sultan Husin dan \$3,000.00 kepada Temenggung Abdul Rahman; serta melindungi mereka berdua semasa berada di Singapura. Fasal ketiga pula, Temenggung Abdul Rahman akan membenarkan kompeni British membina loji di Singapura serta taklukannya dan kompeni akan membayar tambahan \$3,000.00 setiap tahun. Fasal keempat pula, Temenggung Abdul Rahman dan Sultan Husin berpakat akan memerangi musuh kompeni British dan akan membantu kompeni dalam peperangan. Fasal kelima pula, waris takhta Johor dan Singapura tidak boleh membuat perjanjian dengan lain-lain negeri, tidak boleh membawa masuk bangsa Eropah untuk membina loji atau memerintah selagi kompeni British ada di Singapura. Fasal keenam, semua orang yang berada dalam kawasan kompeni British akan dihukum di bawah undang-undang British. Fasal ketujuh; Sultan dan Temenggung akan bermuafakat terlebih dahulu dengan kompeni British sebelum menjatuhkan hukuman. Fasal kelapan; kompeni British akan menguasai segala hasil dan cukai kapal yang berniaga di Singapura. Fasal kesembilan; hasil cukai dari barang perdagangan di Singapura akan dibahagi dua antara British dan Temenggung Abdul Rahman.⁸²

Dalam perjanjian yang lain di antara Raffles dengan Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman pada 7 Jun 1823, Syarikat akan membayar elaun bulanan sebanyak \$1,500.00 kepada Sultan Husin dan \$800.00 kepada Temenggung Abdul

⁸² Bagi melihat isi perjanjian lebih mendalam lihat lampiran 1.

Rahman. Selain itu, kedua-dua mereka akan melucutkan kuasa monopoli ke atas hasil hutan di Singapura dan pulau-pulau berhampiran; serta tidak boleh memungut cukai ke atas kapal dagang yang keluar-masuk di Singapura.⁸³

Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824 dimeterai apabila wujudnya masalah sempadan atau wilayah pengaruh Inggeris dan Belanda di Kepulauan Melayu. Pendudukan Inggeris di Pulau Singapura telah memberi tamparan hebat kepada kuasa Belanda yang ketika itu bertapak di Melaka. Oleh itu, satu penyelesaian telah dibuat dengan menetapkan pengaruh masing-masing pada tahun 1824. Antara lain perjanjian ini menetapkan pengaruh British dan Belanda. Pihak Belanda tidak akan melibatkan diri dalam hal ehwal atau menduduki negeri-negeri Tanah Melayu atau membuat perjanjian dengan raja-rajanya, manakala pihak British pula tidak akan menduduki Pulau Karimun dan kepulauan Riau-Lingga atau yang lain di selatan Singapura. Pembahagian kawasan ini membawa kepada perpecahan kerajaan Johor-Riau.⁸⁴ Perjanjian 1824 ini dari segi politiknya telah menghancurkan sama sekali empayar Johor.⁸⁵ Kepulauan Riau dan Lingga di selatan Singapura menjadi kawasan pengaruh Belanda di samping kedua-dua pihak bersetuju menukar Melaka dan Bangkahulu di Sumatera Barat untuk mengimbangi pengaruh masing-masing di sekitar Selat Melaka.⁸⁶ Menurut Mills (1966) dan Tarling (1969), perjanjian itu telah menyebabkan kerajaan Melayu-Johor-Riau-Lingga berpecah

⁸³ Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm. 85. Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm. 20.

⁸⁴ N. Tarling, 1969. *British Policy in the Malayan Peninsula and Archipelago 1824-1871*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Buyong Adil, 1972. *Sejarah Singapura*, hlm. 179.

⁸⁵ K.G. Tregonning, 1964. *A History of Modern Malaya*. London., hlm. 103.

⁸⁶ R. Emerson, 1974. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewam Bahasa dan Pustaka, Cetakan Pertama, hlm. 111-112.

kepada dua; Tanah Melayu termasuk Singapura, dan kepulauan Indonesia termasuk Riau.⁸⁷

⁸⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, hlm. 21. Lihat Lampiran Empat: Perjanjian Inggeris- Belanda 17 Mac 1824.

KESIMPULAN

KMJ-R melewati sejarah yang panjang dari abad ke-16 hinggalah pertengahan abad ke 19. Perjanjian British-Belanda pada 17 Mac 1824, menamatkan Empayar Johor-Riau yang tegak hampir 300 tahun. Apabila melihat kronologi sejarah politik Johor, jelas kepada kita bahawa terdapat beberapa tahap penting dalam politik Johor. Bermula dari warisan KMM dan berakhir pada 1699 apabila Sultan Mahmud II mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama. Sultan selepasnya diterajui oleh sultan dari kerajaan Johor dan Pahang.

Raja Kecil dari Siak menduduki takhta Johor pada 1718, dan semasa beliaulah pengaruh Bugis mula bertapak di Johor. Sultan Sulaiman telah meminta bantuan Bugis lima bersaudara untuk mengusir Raja Kecil. Sebagai balasannya, satu jawatan iaitu YDPM Johor telah diwujudkan dan jawatan warisan suku Bugis. Jawatan YDPM ini dikatakan mempunyai banyak kuasa berbanding sultan Johor. Manakala fungsi pembesar lain termasuk Bendahara telah terbatasi. Orang Melayu tidak berupaya untuk menyekat pengaruh Bugis dalam kerajaan. Pengaruh Bugis mula berkurang apabila pengaruh Belanda mula bertapak di Johor. Tekanan demi tekanan dikenakan untuk melemahkan pengaruh Bugis. Malah orang Melayu dari Johor dan Pahang turut tidak senang dengan pengaruh Bugis itu. Perjanjian 1824 telah menamatkan riwayat KMJ-R apabila pembahagian geografi menetapkan di bawah pengaruh yang berlainan. Riau dan kepulauan sekitarnya telah berada di bawah pengaruh Belanda manakala Johor pula wujud sebagai entiti politik yang berasingan di bawah pengaruh British.